

Headline	INOVASISEBAGAI PELONJAK UTAMA		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	02 Feb 2016	Color	Full Color
Section	Variasi	Circulation	1,270,667
Page No	V7	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	478 cm ²
Journalist	Mohamad Hussin	AdValue	RM 18,758
Frequency	Daily	PR Value	RM 56,274



INOVASI SEBAGAI PELONJAK UTAMA

Usaha pacu Malaysia menuju status negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang 2020

Oleh Mohamad Hussin

mohamad_hussin@
hmetro.com.my

Inovasi sangat penting dalam era globalisasi ini. Mahu tidak mahu, kita perlu menerima hakikat bahawa sumber alam dan kewangan bukan lagi indikator utama bagi mengukur tahap kemajuan yang mampu melonjakkan kemakmuran sesebuah negara.

Merujuk kepada negara ekonomi utama dunia seperti Jerman, Belanda, Korea, Jepun mahupun China, kebanyakan negara itu bermula dengan ekonomi berasaskan pertanian dan sumber semula jadi.

Kini, mereka beralih kepada asas ekonomi yang mengutamakan pengetahuan, inovasi, kemahiran dan kepakaran tinggi.

Timbalan Ketua Setiausaha (Alam Sekitar) Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Dr Azimuddin Bahari berkata, Hari Inovasi antara insentif motivasi utama kepada pengiktirafan kecemerlangan yang boleh memberi impak kepada emosi, spiritual dan fizikal.

"Ia mengambil kira pentingnya peranan inovasi bagi mencapai agenda pembangunan negara.

"Sudah tiba masa kita menjadikan inovasi sebagai pelonjak utama dalam

memacu Malaysia menuju status negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang 2020.

"Di peringkat global, aspek inovasi bukan hanya ditonjolkan melalui penghasilan produk inovasi yang signifikan semata-mata.

"Malah, ia turut menjadi agenda utama yang mendasari pembangunan sesebuah negara secara holistik terutama dalam spektrum pasaran hari ini yang lebih kompetitif dan kompleks," katanya ketika berucap merasmikan Hari Inovasi Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) 2015 di Kepong, baru-baru ini.

Hadir sama Ketua Pengarah FRIM Datuk Dr Abd Latif Mohmod, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) FRIM Dr Rahim Sudin, Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan) FRIM Dr Ismail Harun dan Pengerusi Hari Inovasi FRIM Dr Woon Weng Chuen.

Azimuddin menyarankan program serta usaha dalam anjakan inovasi seperti itu terus diamal dan dijadikan contoh kepada generasi akan datang.

"Ia perlu dihayati dan diterapkan supaya pembangunan inovatif dan kreatif terus dikekalkan tanpa

mengetepikan keseimbangan dari semua aspek.

"Saya menyeru semua berkongsi, menjana dan menghasilkan idea inovasi dan kreatif bagi menambah baik kualiti perkhidmatan serta menjadikannya sebagai titik tambah dalam mencapai visi transformasi negara ini," katanya.

Beliau mengucapkan syabas kepada FRIM atas kejayaan dirangkul sepanjang tahun ini.

"Kejayaan dan kecemerlangan ini perlu menjadi sumber inspirasi kepada semua untuk terus berusaha lebih gigih," katanya.

Sementara itu, Abd Latif berkata, FRIM memberi pelbagai anugerah dan hadiah kepada kakitangan FRIM bagi menghargai kreativiti dan inovasi mereka.

"Sebanyak 32 Anugerah Pendedahan Reka Cipta dan empat Anugerah Pemfailan Paten disampaikan pada majlis berkenaan.

"Antaranya ialah Pertandingan Persekitaran Kerja Terbaik, Pertandingan Sudut Kualiti Terbaik, Pertandingan Zon QE/5S Terbaik, Anugerah Juruaudit Terbaik dan Anugerah Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti Terbaik.

"Lima projek penyeli-

dikan yang berjaya memenangi anugerah dalam beberapa pertandingan reka cipta pada tahun lalu seperti International Invention and Innovation Exhibition (ITEX), Malaysia Technology Expo (MTE) dan BIOASIA turut diraikan dalam majlis ini," katanya.

Beliau berkata, daripada 23 penyertaan dalam Pertandingan Reka Cipta dan Inovasi 2015, Projek Ciera & Cecair Mandian dan Cucian Tangan Berantiseptik Mesra Alam yang diterajui Dr Mas-tura Mohtar dipilih sebagai pemegang hadiah utama.

"Tempat kedua dan ketiga dimenangi projek diketuai Dr Farah Fazwa Md Ariff dan Dr Abdul Hamid.

"Penerima Anugerah Khas Ketua Pengarah terdiri daripada Amrah Toha, Sufian Hamsan, Mohd Afendi Hussin, Norhayati Nordin dan Dr Wan Asma Ibrahim.

"Terdapat tiga pemenang Anugerah Inovasi Ketua Pengarah iaitu Nik Zanariah Nik Mahmood, Mohd Zamshari Abd Rahman dan Wan Zahiri Wan Yaacob," katanya.

Katanya, penerima Anugerah Pengiktirafan Paten dimenangi Nik Adlin Mohamed Sukri dan Siti Syarifah Mohd Mutalip.

Headline	INOVASISEBAGAI PELONJAK UTAMA		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	02 Feb 2016	Color	Full Color
Section	Variasi	Circulation	1,270,667
Page No	V7	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	478 cm ²
Journalist	Mohamad Hussin	AdValue	RM 18,758
Frequency	Daily	PR Value	RM 56,274



SEORANG pegawai FRIM menerangkan inovasi ciptaan kepada Dr Azimuddin (tiga dari kanan) dan Abd Latif.



SEBAHAGIAN pegawai kanan FRIM yang hadir.